

# KEBERKESANAN MAKMAL PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH

## *EFFECTIVENESS OF ISLAMIC EDUCATION LABORATORY IN SCHOOL*

Ahmad Shafiq Mat Razali<sup>1</sup>,

Nurafiqah Mohd Fazley<sup>2</sup>,

Ahmad Junaidi Che Arifin<sup>3</sup> &

Amrina Rasyada binti Kamaruzaman<sup>4</sup>

<sup>1&2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS)

<sup>3&4</sup>Jabatan Al-Quran dan Hadis, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

### Abstract

*The term "Islamic Education Laboratory (MPI)" is utilized in this study to denote a significant catalyst within educational institutions, particularly schools. In the state of Selangor, a limited number of schools prioritize the provision of Multi-Purpose Instructional (MPI) activities, while the majority of schools also serve as suraus, facilitating the observance of Zohor and Asar prayers by pupils on school premises. The full utilization of MPI in teaching and learning (P&P) activities, as well as other activities, particularly those related to the subject of Islamic Education, is highly recommended. The present study employs a qualitative research design utilizing a case study methodology, employing purposive sampling techniques. Data collection was done through interviews with two Islamic Education Teachers at Bandar Rinching National Secondary School as well as observation of procedures and activities in the MPI found in the school. The meticulous analysis and transcription of interview data were conducted using ATLAS Ti 23.1.2 software. The study's findings indicate that the utilization of Islamic Education laboratories in schools is highly beneficial due to the comprehensive and accessible facilities that support the Islamic Education planning and implementation process. This study employs the theoretical framework of Experience-Based Learning, which posits that this theory is more closely aligned with the efficacy of utilizing MPI.*

**Keywords:** Islamic Education Laboratory, School

### Abstrak

*Makmal Pendidikan Islam (MPI) merupakan suatu istilah yang digunakan dalam kajian ini yang bertindak sebagai penggerak utama di sekolah secara khususnya. Di Selangor hanya sebahagian kecil sahaja sekolah yang menyediakan fungsi MPI semaksimum mungkin manakala sebahagian besar pula bertindak sebagai surau disamping menjadi tempat pelajar-pelajar solat zohor dan asar di sekolah-sekolah. MPI sewajarnya dimanfaatkan sepenuhnya dengan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta aktiviti lain khususnya yang melibatkan bidang Pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kes berdasarkan pemilihan sampel bertujuan. Pengumpulan data dilakukan melalui temubual dua orang Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Rinching serta pemerhatian proses dan aktiviti di MPI yang terdapat di sekolah. Proses analisis data temubual dan transkripsi dibuat secara teliti menggunakan perisian ATLAS Ti 23.1.2.*

### Perkembangan Artikel

Diterima: 12 Julai 2023

Disemak: 13 Oktober 2023

Diterbit: 31 Oktober 2023

\*Corresponding Author:

Ahmad Shafiq Mat Razali, Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor  
43000, Kajang Selangor Malaysia

Email:

[ahmadshafiq@kuis.edu.my](mailto:ahmadshafiq@kuis.edu.my)

*Hasil kajian mendapati bahawa tahap keberkesanaan penggunaan makmal Pendidikan Islam di sekolah adalah tinggi kerana kemudahan-kemudahan yang terdapat adalah lengkap dan mudah dicapai dalam proses P&P Pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman di mana teori ini lebih dekat dengan keberkesanan penggunaan MPI.*

**Kata kunci:** Makmal Pendidikan Islam, Sekolah

## Pengenalan

Menurut Tengku Kasim dan Che Husain (2008), pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam mewujudkan generasi yang beriman, bertaqwa, berakhlak mulia dan berketerampilan pada masa hadapan. Ia adalah subjek yang diajar di kedua-dua sekolah rendah dan menengah. Semua pelajar beragama Islam di mana-mana institusi pendidikan diwajibkan mengambil subjek Pendidikan Islam dalam Peperiksaan Sijil Penilaian Malaysia (SPM). Perbincangan mengenai bidang pendidikan Islam adalah amat meluas meliputi aspek ibadat, muamalat, munakahat dan jinazah termasuk akhlak. Ia bukan hanya pengetahuan teori atau fakta semata-mata malahan perlunya kepada penguasaan praktikal. Pendidikan Islam harus diajar dalam konteks al-Din, yang bermaksud bukan sekadar memberikan pengetahuan dan kemahiran, tetapi untuk dipraktikkan dan perlu dihayati sepenuhnya oleh semua orang Islam yang beriman kepada Allah SWT (Ab. Halim Tamuri et al., 2012). Oleh itu, P&P Pendidikan Islam harus lebih proaktif untuk menjayakan konsep teori dan amali dalam Pendidikan Islam.

Guru pendidikan Islam mempunyai tanggungjawab untuk menterjemah kurikulum dengan menggunakan pelbagai pendekatan, teknik dan amalan yang melengkapkan strategi pengajaran guru yang berkesan untuk memperkasakan pembangunan kemahiran berfikir di kalangan murid (Ibrahim Hashim & Misnan Jemali 2017, Fadhilah Razali et al. 2017, Mohd Aderi et al. 2017). Menurut Ismail & Yusof (2018), fokus penghayatan Pendidikan Islam semestinya merangkumi semua bidang dan kemahiran. Bagi mencapai keberkesanan dalam P&P Pendidikan Islam, sokongan dari infrastruktur juga turut memainkan peranan dalam isu penguasaan Pendidikan Islam.

Menurut Norliza Kila dan Syuhaida Idha Abd Rahim (2019) subjek Pendidikan Islam perlu diperkasakan fungsinya sama taraf dengan mata pelajaran lain seperti subjek kimia, biologi, fizik, sukan dan sains. Dengan ini, kebanyakan sekolah telah menaik taraf surau sekolah sebagai tempat amali (praktikal) untuk pembelajaran Islam dan pemudah caraan (PdPc) yang dilaksanakan di sekolah. Kajian Nor Hayati dan Bani Hidayat (2015) menyatakan bahawa tanggungjawab untuk melaksanakan ibadah dan pembelajaran Pendidikan Islam, terutamanya amalan solat dan aktiviti keagamaan sehingga kini telah diambil serius oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk menyediakan tempat seperti surau dan musolla untuk murid-murid melakukan solat pada waktu persekolahan. Pihak KPM mencadangkan bahawa semua aktiviti yang berkaitan dengan kurikulum dan ko-kurikulum Pendidikan Islam boleh disesuaikan dan dipelbagaikan pendekatan dengan dilaksanakan diluar bilik darjah seperti di surau sekolah, taman dan lain-lain tempat. Ini akan membolehkan pelbagai teori yang telah diajar dalam bilik darjah dipraktikkan (Norliza Kila dan Syuhaida Idha Abd Rahim 2019).

Pemilihan surau sebagai tempat atau pusat operasi Pendidikan Islam ini berpunca daripada kedudukannya yang terletak dalam kawasan sekolah, mudah diakses sehingga boleh digunakan sepanjang masa oleh pelajar dan pendidik untuk menjalankan aktiviti Pendidikan Islam yang berbeza (Bahagian Pendidikan Islam, 1989). Seterusnya, tujuan utama pembinaan surau di sekolah adalah untuk meningkatkan pembelajaran dan pemudah cara pendidikan Islam serta

meningkatkan penghayatan Islam di kalangan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998).

Menurut Galini & Hussin (2021) surau sekolah yang bertindak sebagai MPI perlulah diolah supaya menarik samada dari aspek reka bentuknya mesra pelajar dan kelengkapan infrastrukturnya yang mudah dikendalikan. Namun begitu, Menurut Ab. Halim Tamuri (2003) apa yang lebih utama ialah warga sekolah terutamanya guru Pendidikan Islam perlu bersedia dan berkeupayaan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam secara teori dan praktikal apabila kelengkapan telah disediakan sebaik mungkin. Jika ditinjau fungsi rumah ibadat ini, maka kita akan dapati bahawa pembawakan baginda bagi menyebarkan Islam dan tamadun semuanya berpusatkan kepada masjid dan surau. Menurut Mokhtar & Che Zarrina Sa'ari (2015) sejarah Islam membuktikan bahawa Baginda adalah individu pertama yang berjaya mengubah dan membentuk akhlak masyarakat arab jahiliah yang berada dalam kesesatan kepada kebenaran. Baginda SAW turut berjaya membina sebuah negara Islam contoh di Madinah dengan didirikan masjid yang menjadi sumber kekuatan dan perpaduan umat Islam.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Keberkesanan P&P yang efektif bukanlah semata-mata berasaskan kepada kehebatan seorang ugiu dalam pengajarannya tetapi berkait rapat dengan bahan-bahan pengajaran yang digunakan serta prasarana yang menyokong. Menurut Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2012) prasarana yang perlu disediakan di sekolah secara asas sekurang-kurangnya sebuah surau membolehkan pelajar menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang Islam serta menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan agama mengikut kurikulum yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian. Respond yang diterima daripada guru-guru mendapati bahawa surau yang disediakan oleh pihak sekolah dan kerajaan hanya bersifat asas sahaja dan ada sebahagian tempat hanya disediakan sebagai syarat asas sahaja sedangkan sepatutnya kelengkapan-kelengkapan dan keadaan fizikal yang serva kekurangan dari aspek kelengkapan asas bagi menyokong P&P Pendidikan Islam sedangkan penyediaan kelengkapan bagi matapelajaran lain dapat disediakan dengan baik. Apatah lagi terdapat sekolah-sekolah tidak mengambil berat dengan peranan dan fungsi surau sekolah.

Menurut Hashim (2020), surau sekolah berfungsi sebagai pusat pendidikan rohani bagi melaksanakan konsep teori dan praktikal pendidikan Islam di sekolah. Oleh itu, surau sekolah, sebuah institusi Islam yang penting dalam konteks pendidikan Islam di sekolah, juga harus dibangunkan sebagai makmal. Selain itu, bidang tilawah al-Quran, ulum syariah, ibadah, akhlak dan adab adalah semua aspek pendidikan Islam perlu diajar secara teori dan praktikal. Dengan ini, P&P Pendidikan Islam memerlukan kepada bahan sokongan bagi membantu guru memberikan kefahaman dan penjelasan yang bersifat realistik kepada pelajar. Dalam bidang ibadah, contohnya, P&P Pendidikan Islam ibadah boleh dilaksanakan di bilik darjah atau surau sekolah. Akan tetapi pelaksanaan ibadah yang dilakukan di surau atau makmal Pendidikan Islam yang lengkap lebih mudah untuk memahamkan pelajar berbanding P&P yang dijalankan di kelas semata-mata kerana guru telah menterjemahkan semua teori yang diajar melalui tindakan dan teguran yang lebih tersusun (Bani Hidayat et al., 2015).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini ingin mencapai objektif seperti berikut:

- 1) Mendalami tahap keberkesanan penggunaan MPI di sekolah menengah.
- 2) Mendasari tanggapan guru terhadap kemudahan prasarana MPI bagi PdP Pendidikan Islam.
- 3) Mendalami cabaran guru dalam PdP Pendidikan Islam di MPI.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Secara umumnya, kajian ini ingin mencapai objektif seperti berikut:

- 1) Apakah tahap keberkesanan penggunaan MPI di sekolah menengah.
- 2) Apakah tanggapan guru terhadap kemudahan prasarana MPI bagi PdP Pendidikan Islam.
- 3) Apakah cabaran guru dalam PdP Pendidikan Islam di MPI.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### *Reka bentuk kajian*

Pengkaji menjalankan kajian berbentuk kualitatif. Tidak seperti penyelidikan kuantitatif, penyelidikan kualitatif menggunakan bentuk data yang berbeza. Metodologi induktif digunakan dalam penyelidikan kualitatif. Data kualitatif, menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), adalah deskriptif, bermaksud kata-kata yang diucapkan atau ditulis tentang tingkah laku manusia yang boleh dilihat. Temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen adalah bentuk data kualitatif. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kajian kes. Pengkaji mengenal pasti kes itu dan kemudian memutuskan untuk melakukan penyelidikan lebih mendalam. Penyelidik mempunyai peluang untuk meneroka tahap keberkesanan MPI di sekolah menengah melalui reka bentuk kajian kes ini. Reka bentuk ini mendorong penyelidik untuk memahami situasi, idea atau persekitaran dengan lebih mendalam.


### *Sampel kajian*

Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan, juga dikenali sebagai persampelan bertujuan, seperti yang dicadangkan oleh Merriam (1998) dan Creswell (2003). Iaitu, mereka memilih kelompok responden untuk digunakan sebagai sampel dan setiap ahli dalam kelompok ini diambil sebagai sampel. Pengkaji memilih dua guru pendidikan Islam dari Sekolah Menengah Kebangsaan Rinching untuk ditemu bual. Pengkaji memilih sekolah ini kerana ia mempunyai surau sekolah yang dijadikan sebagai MPI dalam menjalankan pelbagai fungsi dan kerap digunakan untuk pendidikan Islam.

### *Instrumen kajian*

Soalan tidak boleh disenaraikan secara rasmi atau tepat dalam bentuk temu bual separa berstruktur yang akan digunakan. Soalan yang akan ditanya akan mengarah kepada perbincangan terbuka yang tidak hanya memerlukan jawapan ringkas. Walau bagaimanapun, matlamat kajian masih tertakluk kepada kebebasan perbincangan. Semasa sesi temu bual, soalan umum akan ditanya sebelum beralih kepada soalan yang lebih khusus. Agar data yang diperolehi lebih jitu, keselesaan responden adalah keutamaan untuk kaedah ini.

## KERANGKA KONSEPTUAL




Rajah 1: Kerangka konsep

## ANALISIS DATA KUALITATIF

Latar belakang informan yang ditemu bual dibincangkan dalam bahagian ini berdasarkan tiga objektif kajian. Memperincikan tahap keberkesanan penggunaan MPI di sekolah menengah, yang terdiri daripada dua soalan, adalah objektif pertama. Seterusnya, objektif kedua berfungsi sebagai asas untuk tanggapan guru tentang kemudahan prasarana MPI untuk PdP Pendidikan Islam, dengan dua soalan. Tujuan terakhir ialah mempelajari lebih lanjut tentang cabaran yang dihadapi oleh guru dalam PdP Pendidikan Islam di MPI melalui satu soalan. Oleh itu, terdapat lima subjek yang telah dibincangkan untuk menentukan keputusan kajian berdasarkan objektifnya.

## DAPATAN KAJIAN

Semua maklumat yang diperolehi daripada temu bual dikumpulkan dalam kajian ini. Berdasarkan rajah berikut, tiga objektif utama kajian dijawab melalui soalan semi-struktur.



Rajah 2: Elemen dapatan kajian temubual

## PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Rumusan kajian ini, pengkaji akan membincangkan hasil maklumat daripada temubual bersama informan.

### 1. Tahap keberkesanan penggunaan MPI di sekolah menengah.

Pertama, pengkaji akan memfokuskan pada keberkesanan MPI di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Rinching. Kemudahan yang disediakan, program yang dijalankan dan seberapa kerap guru Pendidikan Islam menggunakan kemudahan dinilai untuk keberkesanan PdP Pendidikan Islam. Pandangan daripada GPI 1 dan GPI 2 bahawa terdapat dua bilik khusus yang dikhususkan bagi matapelajaran Pendidikan Islam: bilik Kelas Aliran Agama (KAA) dan MPI. Walau bagaimanapun, kebanyakan guru kerap menggunakan MPI semasa PdP kerana ia mempunyai pelbagai kemudahan seperti rehal, al-Quran, LCD, alatan pengurusan jenazah, laman haji umrah seperti replika Kaabah, peta dan ruangan yang selesa dan luas. Kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah telah membantu hampir 50% daripada keseluruhan proses P&P yang berlangsung kerana contohnya dalam P&P haji dan umrah. Seseorang pelajar yang ingin mengamati situasi sebenar mengerjakan haji dan umrah akan melalui proses tawaf dengan keadaan yang hampir sama dengan tempat di Mekah iaitu adanya replika Kaabah, kawasan Tawaf, Hajarul Aswad dan lain-lain lagi. Oleh itu, ia mudah digunakan untuk guru dan pelajar dalam amali haji. Dari aspek pencapaian dan penguasaan pelajar terhadap ilmu juga turut diakui oleh GPI 1 bahawa pelajar-pelajar yang melalui proses demonstrasi di surau dengan keadaan situasi yang hampir sama dengan mengerjakan Haji dan Umrah di Mekah lebih faham berbanding dengan pelajar yang tidak menjalani proses P&P secara demonstrasi.

Selain itu, kemudahan LCD turut disediakan di MPI ini kerap digunakan terutamanya oleh Guru Pendidikan Islam dan turut juga digunakan oleh guru-guru lain bagi pengajar subjek selain pendidikan Islam. GPI 1 dan 2 turut mengakui bahawa frasarana seperti MPI ini tersangat aktif penggunaannya dan lebih mesra pelajar terutama ketika majlis keraian hari kebesaran Islam contohnya Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Israk Mikraj, ambang Ramdhan, Nuzul Quran dan lain-lain perayaan. Aktiviti pada bulan Ramadhan juga dilibatkan di MPI ini termasuk tadarrus al-Quran, iftar jama'i, Khatam al-Quran, Nuzul al-Quran, Buletin Ramadhan dan Ihya' Ramadhan. Kesannya amat bermanfaat kepada pelajar dan lebih memudahkan guru untuk menguruskannya.

### 2. Tanggapan guru terhadap kemudahan prasarana MPI

Kemudian, pandangan guru Pendidikan Islam tentang ruang dan kemudahan dikaji. Ruang yang disediakan adalah sangat selesa (GPI 1). Walau bagaimanapun, kedua-duanya menyatakan bahawa walaupun ruang itu selesa, ia juga semakin padat kerana terlalu ramai pelajar tingkat satu masuk.

Selain itu, menurut GPI 2, MPI yang sedia ada masih tidak mencukupi untuk menampung pelajar yang semakin ramai. Selagi surau sekolah itu ditadbir oleh satu guru, ia hanya boleh menampung sembilan kelas pada satu masa. Walau bagaimanapun, jika kelas berbeza, hanya boleh memuatkan tiga kelas PdP. Selain itu, kerana persekitaran yang sangat bising, guru tidak dapat mendengar arahan kerana surara guru. Akibatnya, guru dikehendaki menggunakan alat pembesar suara semasa mengajar. Selain itu, kerana terdapat kemudahan LCD yang boleh digunakan, guru kadangkala terpaksa menggunakan bilik tayang semasa PdP.

GPI 1 juga menyatakan bahawa dia sangat berpuas hati dengan kemudahan ruang yang ditawarkan. Setakat ini, hanya ada dua bilik khusus, jadi akan lebih baik jika Jika menambah satu lagi. Manakala GPI 2 menunjukkan perkara yang sama.

### **3. Cabaran guru dalam PdP Pendidikan Islam di MPI.**

Dalam menjalani kerjayanya dalam bidang perguruan, seorang guru pasti akan menghadapi pelbagai cabaran. Dengan bantuan ini, pengkaji boleh melihat dan mengkaji kesukaran yang dihadapi oleh guru apabila mereka melakukan PdP di luar kelas, seperti bilik mandi dan bilik khusus. Bersabar dengan sikap nakal dan banyak cakap murid adalah satu-satunya cabaran dengan GPI 1. Tiga kelas berada pada masa yang sama dalam ruang yang kecil dan bising. Oleh itu, guru mempunyai kerja yang sukar untuk mengawal kelas. Untuk memastikan pelajar tidak hilang fokus semasa pembelajaran, suara guru harus lebih kuat daripada biasa.

Selain itu, GPI 2 menyatakan bahawa kekurangan guru Pendidikan Islam akan menjadi lebih sukar kerana seorang guru perlu mengendalikan sehingga tiga kelas pada satu masa. Oleh itu, masa yang digunakan sangat terhad. Walau bagaimanapun, menurut GPI 1, masa PdP mencukupi jika masa digabungkan; sebagai contoh, guru mempunyai satu jam masa PdP apabila satu masa digabungkan menjadi dua masa. Dengan masa yang banyak untuk kawalan kelas, hasilnya akan lebih baik.

## **KESIMPULAN**

Penggunaan makmal masjid sebagaimana dalam kajian ini telah menjadi suatu keperluan di sekolah walaupun keberadaannya diletakkan berlainan mengikut kesesuaian ruang tempat dan frasarana. Ketiadaan peruntukan tempat oleh pihak kementerian khususnya pentadbir sekolah untuk dijadikan sebagai MPI sudah pasti akan mengurangkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Oleh itu, menyedari akan kepentingan MPI ini, dicadangkan kepada pihak sekolah supaya kemudahan frasarana ini perlu disediakan dalam memastikan proses penyampaian ilmu berjalan dengan sebaik mungkin dan persekitaran proses ilmu yang selesa untuk guru dan pelajar dapat dinikmati. Dalam masa yang sama, masjid dan surau boleh memainkan peranan membantu pihak sekolah dalam menyediakan tempat sebagaimana yang sepatutnya.

## **RUJUKAN**

- Abdul Munir Ismail. (2019). [The Excellent Good Governance Of Surau National Secondary School (Nss) In Malaysia] *Kecemerlangan Urus Tadbir Surau-Surau Sekolah Menengah Kebangsaan (Smk) Di Malaysia*, Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari.
- Bani Hidayat bin Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi bt Talib, Mohd. Huzairi bin Awang @ Husain, H. B. binti Z. dan A. H. bin T. (2019). *Fungsi Surau Sekolah Sebagai Penjana Kegiatan Dakwah dan Kerohanian Di Sekolah- Sekolah Menengah*.
- Bani Hidayat Mohd Shafie Nor Hayati Fatmi. (2015). *Pengimarah Surau Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Sekolah. Persatuan Intelek Muslim Malaysia, 2010, 2010–2011*.
- Bani Hidayat bin Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi bt Talib Mohd. Huzairi bin Awang@ Husain, Hajarul Bahti binti Zakaria dan Ab. Halim bin Tamuri. (2010). *Fungsi Surau Sekolah*

- Sebagai Penjana Kegiatan Dakwah dan Kerohanian Di Sekolah-Sekolah Menengah. International Conference on Da'wah And Islamic Management (Ic-Daim2010) USIM.
- Bani Hidayat Mohd Shafie Ph.D, Nor Hayati Fatmi Talib Ph.D. (2019). Hubungan Fungsi Masjid (Pusat Islam) Sebagai Pusat Pengajaran dan Pembelajaran dan Penghayatan Islam Di Ipg Kampus Pendidikan Islam, Bangi. Galini, M. I., & Hussin, M. (2021). *Peranan Surau dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Merchu Kuala Kangsar, Perak (The Role of Surau In Teaching And Learning Of Islamic Education Form 4: Studies In Bukit Merchu Nati*. 3(1), 564–571.
- Hashim, K. M. (2020). *Pendekatan Dakwah Dan Pembangunan Rohani Melalui Pengimarahannya Surau Di Sekolah Menengah Kebangsaan (Smk) Subang*.
- Ismail, M., & Yusof, M. (2018). Pengimarahannya Surau dan Musala di Sekolah-sekolah KPM dan Implikasinya Terhadap Komuniti Prospering of Surau and Musala In Public Schools and Its Implications Towards Community. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(2), 24–38.
- Jasmi, K. A., & Mangione, S. (2001). Penggunaan Bilik Operasi Pendidikan Islam di Sekolah Menengah. *Health Policy*, 14(4), 4–6.
- Kila, N., & Abd, I. (2019). *Tahap Penggunaan Surau dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Matapelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Daerah Petaling Utama*. 1(15), 1–10.
- Mohamad Khairi Haji Othman, Mohd Nazer Ishak. (2017). Tinjauan Pelaksanaan Pengurusan Pendidikan Agama Islam di Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Kota Setar. *The Online Journal of Islamic Education* July 2017, Vol. 5, Issue 1.
- Mohd Zaidi, Ahmad Zabidi, Rafiza Abd. Razak. (2020). Cabaran Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Pedalaman: Bersediakah Dalam Melaksanakan Kbat? *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* Januari 2020, Bil. 8, Isu 1.
- Muhammad, A., Basiron, B., & Ismail Mustari Karjo, M. (n.d.). *Penggunaan bilik operasi Pendidikan Islam di sekolah menengah*  
<https://www.researchgate.net/publication/293097665>
- Tengku Kasim, T. S. A., & Che Husain, F. (2008). Pendekatan individu dalam pengajaran Pendidikan Islam sebagai wahana melahirkan modal insan bertamadun. *Jurnal Usuluddin*, 27, 141–156.